
Tahap Pengetahuan Konsep dan Peranan Keusahawanan Sosial serta Hubungannya dengan Minat Penglibatan Pelajar Kolej Komuniti Sandakan

Nurfathonah binti Yusoff¹, Fariza binti Mohamad Tajuddin², Nur Aina binti Yusoff³,

^{1,2} Unit Akademik dan Pendidikan Berterusan, Kolej Komuniti Sandakan, Sandakan, Sabah, Malaysia

³ Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat, Kuala Langat, Selangor, Malaysia

E-mail: nurfathonah@kksk.edu.my, fariza@kksk.edu.my, aina@jkm.gov.my

Abstract

Social entrepreneurship is increasingly being recognised as an innovative approach to addressing social issues through sustainable business-based solutions, but the level of student knowledge in this field has not been extensively studied, particularly in community colleges. Therefore, this study aims to assess students' knowledge regarding the concept and role of social entrepreneurship and analyse its relationship with students' interest in participation. This study employs a quantitative approach through a survey design involving 87 students from Sandakan Community College, using a five-point Likert scale questionnaire instrument. The data were analysed using descriptive statistics and Cronbach's alpha reliability test, as well as inferential analysis, namely Pearson correlation and multiple regression. The results of the study show that the level of students' knowledge of the concept (mean = 3.87) and the role of social entrepreneurship (mean = 3.92) is high, while the interest in involvement is at a moderately high level (mean = 3.75). Correlation analysis found a significant positive relationship between conceptual knowledge ($r = 0.56, p < 0.01$) and role knowledge ($r = 0.61, p < 0.01$) with student interest. Furthermore, regression analysis shows that both dimensions of knowledge significantly contribute to students' interest, with role knowledge being the more dominant predictor. In conclusion, the study findings demonstrate that knowledge of social entrepreneurship plays an important role in increasing students' interest in engaging in socially impactful activities, thereby supporting sustainable community development efforts in line with the global agenda.

Keywords: social entrepreneurship; higher education; student knowledge; interest; community development

Abstrak

Keusahawanan sosial semakin mendapat pengiktirafan sebagai pendekatan inovatif dalam menangani isu sosial melalui penyelesaian berasaskan perniagaan yang mampan, namun tahap pengetahuan pelajar dalam bidang ini masih kurang dikaji khususnya di kolej komuniti. Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai tahap pengetahuan pelajar terhadap konsep dan peranan keusahawanan sosial serta menganalisis hubungannya dengan minat penglibatan pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan yang melibatkan 87 orang pelajar Kolej Komuniti Sandakan, dengan instrumen soal selidik berskala Likert lima mata. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha, serta analisis inferensi iaitu korelasi Pearson dan regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap konsep (min = 3.87) dan peranan keusahawanan sosial (min = 3.92) adalah tinggi, manakala minat penglibatan berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.75). Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan konsep ($r = 0.56, p < 0.01$) dan pengetahuan peranan ($r = 0.61, p < 0.01$) dengan minat pelajar. Selain itu, analisis regresi menunjukkan bahawa kedua-dua dimensi pengetahuan memberi sumbangan signifikan terhadap minat pelajar, dengan pengetahuan peranan sebagai peramal yang lebih dominan. Kesimpulannya, dapatan kajian membuktikan bahawa pengetahuan keusahawanan sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat pelajar untuk terlibat dalam aktiviti berimpak sosial, sekaligus menyokong usaha pembangunan masyarakat mampan selaras dengan agenda global.

Kata kunci : keusahawanan sosial; pendidikan tinggi; pengetahuan pelajar; minat; pembangunan komuniti
